



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK NAIM BIN MARJANI

PENGASAS KUMPULAN KUDA KEPANG SINAR WARISAN

**MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH SENI
WARISAN**

NORAISHIKIN BINTI AZMAN

(2021171719)

FATIN NURAIN BINTI NOR AZAR

(2021393679)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022-OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v-viii
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5-6
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	7
	3.3 Objektif Kajian	
	3.4 Kepentingan Sejarah Lisan	8-9
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Seni Warisan	10
	4.2 Kuda Kepang	11-12
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	
	5.1 Sesi Pertama	13-120
	5.2 Sesi Kedua	121-227
6.0	Log Temubual	
	6.1 Sesi Pertama	228-234
	6.2 Sesi Kedua	235-241
7.0	Ralat	242
8.0	Glosari	243-247
9.0	Indeks	248-255
10.0	Bibliografi	256-257
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	258
	11.2 Surat Perjanjian	259
	11.3 Senarai Soalan	260-265
	11.4 Diari Penyelidikan	266-269
	11.5 Gambar, Sijil-Sijil dan Bahan Lain yang Berkaitan	270-272

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang seorang tokoh yang berpengalaman dalam bidang Seni Warisan Kuda Kepang. Beliau mula menceburji bidang kuda kepang ini sejak berumur 18 tahun sehingga kini dan telah dilantik sebagai Tokoh serta telah memperolehi banyak anugerah. Dalam era globalisasi ini, masih ada masyarakat pada masa kini yang tidak mengetahui tentang Seni Warisan dan tidak menyedari kewujudannya termasuklah dalam bidang kuda kepang ini. Tembual ini dijalankan selama 2 jam 03 minit di halaman rumah tokoh yang bertempat di Kampung Sungai Nibong, Batu Pahat, Johor pada 25 Mei 2022. Tembusan ini didokumentasikan kepada masyarakat supaya mereka mendapat maklumat dan dapat memberikan pandangan mereka terhadap seni warisan dalam bidang kuda kepang khususnya. Sejarah lisan ini merungkai latar belakang, cara tarian, mistik, mitos, persoalan dan pengalaman seorang tokoh kuda kepang yang telah bergiat dalam seni warisan ini lebih dari 60 tahun. Kajian ini berdasarkan pengalaman tokoh sendiri dan dibantu oleh sumber-sumber lain untuk melihat gambaran secara keseluruhan mengenai kuda kepang ini. Diharapkan kajian ini membantu untuk memberikan gambaran sebenar mengenai apa itu seni warisan kuda kepang disamping memberitahu orang ramai tentang kewujudan seni warisan ini yang patut dikekalkan untuk generasi akan datang.

KATA KUNCI

Kuda Kepang, Seni Warisan, Sejarah Lisan, Tokoh, Tarian.

ABSTRACT

This transcript discusses a figure who is experienced in the field of Kuda Kepang Heritage Art. He started venturing into the field of braided horses at the age of 18 until now he has been appointed as a Figure and has won many awards. In this era of globalization, there are still people today who do not know about the Art of Heritage and do not realize its existence, including in the field of horses. This interview was conducted for 2 hours and 03 minutes in the courtyard of the house of the figure located in Kampung Sungai Nibong, Batu Pahat, Johor on 25 May 2022. This interview was documented to the community so that they get information and can give their views on heritage art in the field of kuda kepang in particular. This oral history unravels the background, way of dancing, mystique, myths, questions and experiences of a braided horse figure who has been active in this heritage art for over 60 years. This study is based on the experience of the figures themselves and assisted by other sources to see an overview of this braided horse. It is hoped that this study helps to give a true picture of what the art of kuda kepang heritage is to tell the public about the existence of this heritage art that should be preserved to future generations.

KEYWORDS

Kuda Kepang, Heritage Art, Oral History, Figures, Dance.

PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana akhirnya kami dapat menyelesaikan tugasan yang diberi ini dengan sebaik mungkin. Tugasan ini memerlukan kami untuk membuat kajian serta penyelidikan mengenai Seni Warisan dan kami memilih Kuda Kepang sebagai topik dalam kajian kami. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dan masalah yang telah kami lalui sepanjang melaksanakan kajian ini dan pada akhirnya kami berjaya menyiapkan tugasan ini mengikut masa dan ketetapan yang telah diberikan.

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah subjek ini *Oral History* (IMR 604) iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kerana telah banyak memberikan bimbingan dalam membantu kami menyiapkan tugasan ini dari awal sehingga akhir. Segala bimbingan serta dorongan daripada beliau sangat memberikan kami semangat supaya lebih bermotivasi dan mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menyiapkan sepenuhnya kajian ini. Tanpa bantuan daripada beliau mungkin tugasan ini tidak dapat disiapkan kerana tidak mengetahui apa yang sepatutnya hendak dilakukan. Terima kasih kami ucapkan.

Seterusnya, tidak dilupai juga setinggi penghargaan dan terima kasih daripada kami kepada tokoh pilihan untuk kajian Seni Warisan Kuda Kepang ini iaitu Encik Naim bin Marjani yang sudi meluangkan masa untuk menceritakan dan berkongsi pengalaman serta pendapat beliau mengenai kuda kepang ini. Pelbagai ilmu pengetahuan dan maklumat telah kami terima sepanjang temubual ini dilaksanakan. Kami sungguh hargai segala kerjasama yang telah diterima daripada pihak Encik Naim yang sudi membantu kami dalam menyiapkan tugasan ini.

Tidak dilupakan, terima kasih kepada semua rakan sekelas kami yang sudi bertukar pendapat, memberikan idea, dan maklumat tambahan kepada kami sekiranya kami terlepas sepanjang melaksanakan tugasan ini. Akhirnya, terima kasih kepada ibu bapa kami yang banyak memberikan dokongan dan nasihat kepada kami dari segi mental serta fizikal agar kami mampu menyiapkan tugasan ini walau apa pun rintangan yang kami hadapi. Kami berharap kajian mengenai Seni Warisan Kuda Kepang ini dapat membuka mata masyarakat tentang kewujudan tarian ini serta hasil kajian ini dapat digunakan sebagai salah satu sumber penyelidikan yang berguna pada masa akan datang.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
JKKN	Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara
VIP	Very Important Person
TV	Televisyen
NGO	Non-Government Organization
CEO	Chief Executive Office
TMJ	Tengku Mahkota Johor
OKU	Orang Kurang Upaya
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority.
KL	Kuala Lumpur